

Petronas nak bina kilang minyak di Pantai Timur

KUALA LUMPUR, Sabtu — Besar Kemungkinan kilang penapis minyak kepunyaan Petronas didirikan di Pantai Timur, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kilang itu dijangka siap dalam tahun 1983, kata beliau kepada para pemberita dalam satu sidang akhbar sebelum berlepas ke Hong Kong esok.

Menurut beliau, Petronas sekarang telah mula menapis minyak mentahnya sendiri dengan menggunakan kemudahan penapisan yang terdapat di Singapura dan Port Dickson.

Pada masa ini, katanya, Petronas menapis

Oleh
ALI MANSOR AMAN

18,000 tong minyak mentah dalam negeri sehari yang menghasilkan 6,000 tong minyak diesel dan bakinya lain-lain bahan keluaran petroleum.

Menurut beliau, Petronas memang telah lama merancang mendirikan kilang penapis minyaknya sendiri, tetapi sebab ia terlibat dalam banyak projek yang lain, rancangan itu terpaksa dilewatkan sedikit.

Pebadanan tersebut baru dalam bidang ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir dan dengan itu memerlukan sedikit masa.

Timbalan Perdana Menteri beberapa hari

lalu telah mengumumkan di Dewan Negara, sekiranya masalah kekurangan minyak berterusan, minyak mentah kita sendiri akan ditapis untuk memenuhi keperluan.

Petronas akan menapis minyak yang diperlukan itu dan baki minyak mentah yang dihasilkan akan terus dieksport.

Datuk Seri Dr. Mahathir bagaimanapun menjelaskan bukan pula menjadi niat Kerajaan untuk mengambil-alih pembekalan minyak dalam negeri.

"Syarikat-syarikat minyak di negeri ini akan terus dibenarkan membekal minyak, tetapi yang penting harganya mestilah ditetapkan oleh Kerajaan," jelasnya.

Mengenai sungutan kekurangan diesel di seluruh negeri, beliau berkata: "Sebenarnya tidak berlaku kekurangan diesel.

Dari maklumat yang diperolehi, katanya, syarikat-syarikat minyak masih menerima bekalan minyak diesel seperti biasa.

Katanya, jika benar berlaku kekurangan diesel mengapa stesen-stesen minyak diesel Petronas mengalami kesukaran untuk menghabiskan jualanannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata berikutan langkah Kerajaan mengenai satu harga bagi jualan diesel, beberapa penjual tidak puashati dan cuba mencari keuntungan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia